

SARANGTEBUAN



Sang suria memancar dengan teriknya. Pagi-pagi lagi ibuku telah ke pasar untuk membeli barang dapur. Dia selalu ke pasar dengan membawa troli yang digunakan untuk mengangkat barang-barang yang ibu beli nanti.

Ibu sedang melalui koridor apabila langkahnya terhenti melihat sebuah sarang tebuan yang terdapat di cermin tingkap jiran kami, Encik Raja. Sebenarnya jiran kami Encik Raja sekeluarga tidak disukai oleh penduduk di blok kami kerana sikap mereka yang angkuh. Walaubagaimanapun tanpa berfikir panjang, ibu pun terus pulang ke rumah. Kelihatan mukanya pucat seperti mayat.

Ketika itu ayah sedang membaca suratkhbar apabila ibu memanggilnya dengan suara yang cemas. Ibu menceritakan kepada ayah apa yang telah dilihatnya. Ibu dan ayah tidak sampai hati untuk berdiam diri. Ayah bercadang agar kita menelefon polis dan pihak penghapus serangga. Kami tetap akan menolong mereka walaupun mereka memang tidak pernah bersapa dengan kami. Ini adalah satu peluang keemasan. Kami berharap agar mereka akan menukar sikap mereka kelak.

Lima minit kemudian, ayah menyuruh ibuku memberitahu jiran kami tentang kejadian itu. Ibu mengetuk pintu rumah keluarga Encik Raja. Pada mulanya, Encik Raja kelihatan marah tetapi apabila ibu memberitahunya tentang sarang tebuan itu, beliau pun sedar dan mengucapkan terima kasih kepada ibu. Kami sama-sama menunggu sehingga pihak polis dan penghapus serangga tiba. Apabila pihak penghapus serangga itu tiba, pekerja itu menerangkan bahawa kami telah membuat langkah yang benar dengan menelefon pihaknya kerana jikalau kami sendiri cuba menghapuskan sarang lebah itu tentu kami akan disengat.

Akhirnya sarang tebuan itu dapat dihapuskan. Encik Raja sekeluarga berasa sangat lega. Kami juga tumpang gembira. Encik Raja mengucapkan terimakasih kepada kami sekeluarga kerana telah membantu keluarganya.

Semenjak hari itu, kami hidup berjiran dengan harmoni. Kami tidak lagi bermusuh dan bermasam muka ketika berjumpa. Apabila tiba hari-hari perayaan seperti Hari Raya atau Deepavali, kami akan saling kunjung-mengunjungi.

**Siti Amirah Bte Zailani**  
**Kelas 6.3**



## CERITA SERAM YANG PERNAH SAYA BACA

Cerita seram yang pernah saya baca bertajuk "Hantu Sungai Hitam". Kejadian di dalam cerita ini berlaku sekitar lapan tahun yang lalu apabila seorang arkitek bernama Azmi pergi mengunjungi pakciknya yang menetap di Johor Bahru.

Pada suatu hari, pakcik Azmi memberi izin kepadanya untuk pergi belayar dengan perahunya di Sungai Hitam. Sungai Hitam ini terletak di belakang rumah pakciknya dan ia dikelilingi hutan.

Pada suatu hari yang cerah, Azmi pergi ke arah jeti untuk melepaskan ikatan pada perahunya. Dari situ, mulalah pelayarannya. Hari itu angin bertiup sepoi-sepoi bahasa. Azmi terasa seronok dibuai bayu. Dia duduk menikmati keindahan alam maya. Tidak lama kemudian, diapun berenang di sungai itu. Setelah puas berenang, dia pun makan bekalan yang dibawanya. Selepas itu, dia berbaring di atas perahu. Oleh kerana keletihan dia pun tertidur.

Apabila dia sedar, hari sudah mulai gelap. Tiba-tiba dia terpancang sebuah perahu lain. Di dalamnya ada seorang wanita cantik yang berambut panjang. Baju putihnya serta rambutnya meliang-liuk kerana ditiup angin yang kencang. Wanita itu sedang cuba menjejaskan kakinya ke air seakan-akan ingin melompat ke dalam air. Azmi menjerit ke arahnya agar berhati-hati tetapi wanita itu tidak mempedulikannya. Azmi cuba mendekati wanita itu. Tiba-tiba wanita itu memandang ke arahnya dengan mata yang merah dan memberikan dia satu senyuman yang luar biasa. Bulu roma Azmi meremang. Air sungai yang tadinya biru tiba-tiba berubah menjadi hitam. Wanita itu hilang seumpama tenggelam di dalam air.

Azmi pulang dan memberitahu pakciknya tentang kejadian tadi. Pakciknya pun memberitahunya bahawa perempuan itu sebenarnya adalah pontianak Sungai Hitam. Orang kampung percaya bahawa dahulu seorang wanita cantik telah membunuh diri di sungai itu dan hantu itu adalah jelmaannya. Kejadian itu memang selalu dilalui oleh orang-orang kampung yang pergi memancing pada waktu senja.

**Nur Nadiah Matlan**  
**Kelas 6.3**



## Sarang Tebuan

Anak-anak Puan Aminah sudah pergi ke sekolah. Puan Aminah bercadang untuk pergi ke pasar untuk berbelanja barabg-barang dapur yang telah habis. Dia juga ingin memasak lauk kegemaran suaminya iaitu ayam masak merah. Dia pun bersiap sedia untuk keluar pergi ke pasar. Dia juga membawa troli untuk mengisi makanan yang dibeli nanti.

Sambil berjalan, dia memerhatikan jeriji Puan Dewi yang baru ditukar minggu lepas. Dia pun meneruskan perjalanannya ke pasar. Tiba-tiba, matanya tertumpu kepada tingkap Puan Dewi. Alangkah terkejutnya dia apabila dia ternampak sarang tebuan di tingkap Puan Dewi. Dia mula memikirkan tindakan yang harus dibuat seterusnya. Dia pun mengambil keputusan untuk menelefon polis.

Dia berpatah balik ke rumahnya untuk menghubungi pihak polis. Dia melaporkan kepada pihak polis mengenai sarang tebuan tersebut. Pihak polis menyuruh Puan Aminah bertenang dan memberitahunya yang mereka akan menghubungi pasukan penghapus serangga.

Puan Aminah pergi ke rumah Puan Dewi untuk memberitahunya mengenai sarang tebuan tersebut. Dia juga mengingatkan Puan Dewi supaya jangan membuka tingkap rumahnya. Puan Aminah telah juga menerangkan kepada Puan dewi yang dia telah menelefon polis. Dia menyuruh Puan dewi bertenang.

Lima belas minit kemudian, seorang pekerja dari pasukan penghapus serangga tiba. Dia memakai sut untuk melindungi diri dari serangan tebuan. Dia juga membawa alat penyembur yang disisikan dengan ubat serangga. Dia segera menyemburkan ubat ke arah sarang tebuan tersebut. Tebuan mula beterbangan ke semua arah.

Puan dewi telah memastikan yang semua tebuan telah mati. Dia membersihkan koridor rumahnya yang bersepehan

dengan tebuan. Puan Dewi pun memberikan sedikit makanan kepada Puan Aminah sebagai tanda terma kasih.

**Afiq bin Amin**  
**Kelas 6.5**



## Satu Kecelakaan

“Kriiiiiinnngg!” loceng sekolah berbunyi. Ahmad dan kawan karibnya, Samad cepat-cepat mengemas begnya. Mereka berjalan dengan cepat dan menuju ke arah luar kelas untuk beratur. Mereka harus pulang ke rumah lambat kerana ada latihan bola sepak. Selepas latihan bola sepak sudah tamat, mereka pun pulang ke rumah.

Sewaktu dalam perjalanan, Ahmad menunjukkan bolanya yang baru dan mahal. Samad menyuruh Ahmad membaling bolanya. Ahmad pun membaling ke arahnya. Samad pun membaling semula ke arah Ahmad. Bola itu menuju ke arah jalan raya.

Tanpa menoleh kiri dan kanan, Ahmad terus melintas jalan raya yang sibuk itu. Samad melarang Ahmad melintas jalan raya. Namun, Ahmad tidak menghiraukan kata-kata Samad.

Sedang Ahmad cuba mengambil bola itu, sebuah kereta bergerak laju ke arahnya. Pemandu kereta itu menekan hon keretanya. Ahmad pun menoleh. Dia menjerit. Pemandu kereta itu tidak sempat menekan brek lalu melanggar Ahmad. Ahmad tercampak. Bolanya sudah rosak. Serpihan kaca kereta bertaburan.


Ahmad terbaring di atas lantai jalan raya. Pemandu itu pun keluar dari keretanya. Samad pun berlari ke arah Ahmad. Pemandu itu terus mengeluarkan telefon bimbitnya lalu menelefon polis dan ambulans. Ahmad sedang menangis kesakitan. Samad berasa belas kasihan terhadap Ahmad.

Dalam masa sepuluh minit, ambulans dan polis pun sampai. Anggota paramedik keluar dan mengusung Ahmad ke dalam ambulans lalu menghantar Ahmad ke hospital.

Seorang pegawai polis menasihati Samad supaya jangan bermain di tepi jalan raya yang sibuk kerana ia

perbuatan yang merbahaya. Dia berkata bahawa kemalangan ini boleh membawa maut, Samad pun berasa takut. Dia terus pergi ke telefon awam untuk menghubungi ibu bapa Ahmad.

**Siti Nur Hamizah Mokmin**  
**Kelas 6.5**



## KESAL

Cuaca pada hari itu terik. Neon sedang mengambil angin di kebun bapanya. Dia berasa sungguh dahaga dan tekaknya kering. Rambutnya kusut masai dan tidak terurus. Butir-butir peluh membasahi bajunya.



Sedang Neon berjalan-jalan di kebun itu, dia terserempak dengan sebatang pokok rambutan. Pokok itu berimbun dengan buah rambutan. Meleleh air liurnya apabila melihat buah rambutan yang tergantung di pokok itu. Neon tidak menghiraukan pesanan ayahnya iaitu jangan memanjat pokok kerana jika ada binatang yang merbahaya di pokok itu, dia sendiri yang akan susah.

Neon terus memanjat pokok itu tanpa berfikir panjang. Oleh sebab sikapnya yang degil itu, dia menerima padahnya. Neon memanjat pokok itu sedikit demi sedikit. Apabila dia sampai di atas pokok itu, dia menjinjit perlahan-lahan dan cuba mengambil buah rambutan itu. Setelah banyak kali mencuba, dia akhirnya dapat setangkai rambutan.

Sebaik sahaja Neon hendak turun, seekor ular bergerak ke arah Neon. Ia membuka mulutnya dan ingin mengeluarkan racun dari lidahnya. Neon terperanjat apabila ternampak ular itu lalu dia memekik sekuat-kuat hatinya. Tangannya menggeletar dan buah rambutan itu terlepas dari genggamannya. Dia terjatuh dan pengsan. Penglihatannya menjadi kabur dan dia pun terlelap.

Neon bernasib baik kerana seorang pemuda terjumpa Neon. Dia segera membawa Neon ke hospital. Di hospital, Neon diberitahu oleh doktor bahawa kakinya patah. Dia harus dirawat di hospital itu buat sementara waktu. Neon berasa hiba dan kesal.

Keluarga Neon melawatnya setiap hari. Mereka selalu menasihatinya, “Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya.”

*Nurul Nadiah*

*Kelas 6.9*

## **Pengalaman Semasa Cuti Sekolah**

“Hore!!!” Jerit murid-murid sebaik sahaja mereka terdengar bunyi loceng yang menandakan bahawa sekolah sudah tamat. Aku berasa sungguh ghairah apabila pulang dari sekolah. Pada tahun-tahun yang lalu, ayahku tidak membawa kami sekeluarga ke luar negeri. Aku menghabiskan masa yang lapang itu dengan membaca buku, membuat catatan harian dan melukis. Aku memang gemar melukis. Aku sentiasa mencari ilham dengan menghayati keindahan di tepi pantai, terutama sekali apabila matahari sedang terbenam.

Aku mempunyai seorang abang dan adik perempuan. Pada tahun ini, ayah telah berjanji dengan kami bahawa dia akan membawa kami ke Australia. Apabila aku tiba di rumah, aku mendapati wajah adikku sungguh ceria dan turut ghairah.

“Cepat siap! Kita akan berangkat ke Australia pada hari ini,” kata ayah kepadaku.

Aku bagaikan tidak percaya akan kata-katanya itu. Tanpa berlengah, aku pun menyalin pakaian dan memasukkan barang-barang yang aku perlukan apabila berada di Australia nanti ke dalam sebuah beg yang cukup besar. Abangku yang sudah bersiap sedang bernyanyi-nyanyi. Senyuman manis terukir di bibir adik. Aku rasa akulah orang yang paling bertuah pada hari itu.

Kami pun menaiki sebuah teksi. Sejurus kemudian, kami tiba di Lapangan Terbang Changi. Kapal terbang yang akan kami naik bertolak setengah jam lagi. Sementara menunggu, kami mengambil angin dengan berjalan-jalan di lapangan terbang itu. Suasana di situ indah sekali. Inilah kali pertama aku menaiki kapal terbang. Aku tidak sabar untuk melangkah kaki ke dalam kapal terbang. Kami cepat-cepat mengangkat beg-beg kami kerana tidak mahu ketinggalan. Sebaik sahaja

kami tiba di dalam pesawat itu, kami disuruh duduk di tempat yang telah disediakan. Pramugari dan pramugara melayan kami dengan begitu peramah. Abangku mengeluarkan buku lalu membacanya dengan penuh khusyuk. Adikku pula terlena kerana kepenatan sementara ayahku membaca senaskhah majalah. Aku berkhayal dan asyik sekali membayangkan pemandangan di Australia nanti.

Kira-kira empat jam kemudian, kami pun tiba di Lapangan Terbang Australia. Ketika itu ialah musim bunga. Alangkah cantiknya bunga-bunga yang terdapat di situ. Pemandangannya sungguh berbeza jika dibandingkan dengan pemandangan di Singapura. Tanpa berlengah lagi, kami pergi mencari rumah peranginan.

Rumah peranginan tersebut terletak berhampiran dengan sebuah pantai. Lautan di situ amat jernih. Pasirnya pula putih. Ayahku menyewa sebuah rumah yang selesa dan berhawa dingin. Kami meletakkan barang-barang lalu pergi ke pusat membeli-belah yang terkenal. Aku membelikan sahabat karibku sebuah kotak pensel yang dibuat daripada bulu kanggaru. Ayah membelikan adik sebuah anak patung beruang koala. Abang pula membeli beberapa helai kemeja-t untuk rakan-rakannya.

Kami turut ke tempat-tempat menarik di sana seperti taman haiwan. Aku juga tidak melepaskan peluang untuk mengambil gambar kanggaru dan beruang koala. Adik gembira dapat membelai bulu koala. Kami kepenatan setelah sehari suntuk bersiar-siar. Kami pulang semula ke rumah peranginan apabila hari semakin gelap. Aku membersihkan diriku dan menyalin pakaian. Aku baring di atas katil yang empuk lalu terlelap dengan nyenyak.


Pada keesokan hari, aku terjaga dari tidur dan mendapati bahawa ayah, adik dan abangku telah bangun. Kami menghabiskan hari itu dengan mengambil angin di tepi pantai. Adik suka bermain dengan air.

Air laut itu kebiru-biruan. Kami bermandi-manda di laut. Kami juga telah mengutip kulit kerang. Aku ingin menyimpan kulit-kulit kerang itu sebagai kenangan.

Apabila matahari hampir terbenam, aku menyiapkan peralatan melukis. Aku pun mula melukis. Aku melukis kejernihan lautan itu, kemudian langitnya dan sang suria yang terbenam. Aku mengeringkan lukisanku di atas meja.

“Ayah, kalau ibu ada, tentu lagi seronok,” kata adik. Ayah hanya dapat mengangguk. Aku juga berpendapat sebegitu. Ibu telah meninggalkan kami. Pada ketika itu, aku berumur lapan tahun.

Aku melupakan perkara itu sejenak. Tidak sesuai bersedih di tempat yang seindah itu. Namun, kenangan manis bersama ibu tetap dalam ingatan kami. Kami pulang setelah beberapa hari di sana. Aku telah menghadiahkan lukisanku kepada Cikgu Leha, guru Bahasa Melayuku. Aku berharap aku akan ke Australia lagi pada tahun hadapan. Aku pasti, aku telah mengisi masa cutiku dengan bijak.



*Mardiana Malek*  
*Kelas 6.9*

\*\*\*\*\*